

Validasi *Addiction Severity Index* (Edisi ke 5) Versi Bahasa Melayu (ASI-5-BM)

Mahmood Nazar Mohamed¹, Sabitha Marican², Mohamad Hashim Othman³, Sivakumar
Thurairajasingam⁴, Norsiah Ali⁵

Abstrak: *Addiction Severity Index (ASI)* adalah satu alat ukuran untuk menilai masalah yang dialami oleh individu yang menggunakan substans dan dadah melalui enam domain iaitu kesihatan/perubatan, pekerjaan, penggunaan dadah dan alkohol, perundangan, keluarga/sosial dan psikitrik. Kajian ini dilakukan untuk mendapat data validasi, iaitu keesahan dan kebolehpercayaan ukuran ASI-5-BM. Populasi kajian adalah klien AADK yang berada dalam pusat rawatan dan pemulihan dadah. Sejumlah 209 sampel dipilih daripada lima pusat rawatan penagihan substans (C&C) dan satu pusat pemulihan di daerah (CCSC). Tiga instrumen digunakan untuk tujuan validasi iaitu ASI-5-BM, 12-Item *Short Form Health Survey* (SF-12) dan *Beck Depression Inventory* (BDI). Hasil kajian mendapati keesahan 'convergent' yang baik. Klien yang menggunakan dadah mempunyai kaitan dengan masalah kesihatan/perubatan ($r = 0.145$; $p < 0.05$); masalah keluarga ($r = 0.282$, $p < 0.001$); dan psikitrik ($r = 0.207$, $p < 0.01$). Penggunaan alkohol juga berkaitan secara signifikan dengan masalah kesihatan/perubatan ($r = 0.179$, $p < 0.01$) dan masalah undang-undang ($r = 0.215$, $p < 0.01$). Juga keesahan "concurrent" dilakukan dengan ukuran SF-12 yang meneliti status kesihatan fizikal dan mental seseorang individu dan BDI untuk mengesahkan domain psikitrik dalam ASI-5-BM. SF-12 mempunyai hubungan signifikan dengan domain perubatan ($r = -0.261$, $p < 0.01$) dan psikitrik ($r = -0.318$, $p < 0.001$). BDI juga mempunyai hubungan dengan domain psikitrik ($r = 0.219$; $p < 0.01$). Untuk kebolehpercayaan, data ketekalan dalaman melalui *Cronbach's alpha* adalah memuaskan (antara 0.581 – 0.873), dan kebolehpercayaan luaran melalui *inter-rater* (0.283 – 0.7) dan uji-uji semula (0.251 – 0.946) juga adalah baik. Kesimpulannya ASI-5-BM mencatatkan nilai psikometrik yang baik dan boleh digunakan di Malaysia

¹ Profesor, *Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) & Asia Metropolitan University (AMU)*. mahmoodnazar@gmail.com

² Profesor Madya, Universiti Malaya

³ Profesor Madya, Universiti Sains Malaysia

⁴ Profesor, *Jeffrey Cheah School of Medicine and Health Sciences, Monash University, Malaysia*

⁵ Pakar Perunding Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Masjid Tanah, Melaka